



Ismail Sabri **melawat gerai pameran** selepas majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Serdang, semalam.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

Tingkat daya saing produk tani

» **Pensijilan MyGAP rangsang pasaran luar**

Oleh **Nurul Fhatihah Zakinan**
fhatihah@bh.com.my

► **Serdang**

Kerajaan sedang berusaha menyelaraskan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) dengan standard piawaian antarabangsa, ASEANGAP atau GlobalGAP bagi meningkatkan daya saing produk tempatan pada peringkat lebih tinggi.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia penting bagi mengiktiraf peladang yang melaksanakan amalan pertanian baik dan berkonsepkan mesra alam.

“Pengusaha ladang bukan sahaja mampu menghasilkan produk berkualiti, selamat dan sesuai dimakan, malah boleh menembusi pasaran luar jika melaksanakan amalan pertanian yang baik.

Jumlah sasaran

“Tahun ini, kita menyasarkan pensijilan MyGAP untuk 750 ladang tanaman, 106 ladang akuakultur dan 1,834 ladang ternakan,” katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

2014 peringkat kementerian di sini, semalam.

Pada majlis itu, 1,906 kakitangan kementerian daripada pelbagai agensi di bawah kementerian itu menerima APC.

Ismail berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam perjumpaan bersama Ketua Bahagian UMNO baru-baru ini, memaklumkan peruntukan lebih besar akan disuntik bagi pembangunan luar bandar, khususnya sektor pertanian dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

“Kita mempunyai pelbagai rancangan dasar menerusi Pelan Transformasi Pertanian tetapi jika tanpa sokongan di peringkat akar umbi dari segi penyampaian, perancangan akan menjadi sia-sia,” katanya.